

PENGENALAN

- Surat Penyelesaian Cukai (SPC) adalah **Surat Pelepasan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) kepada pihak majikan bagi memaklumkan tanggungan cukai pekerja yang telah meninggal dunia atau akan bersara atau tamat perkhidmatannya untuk membolehkan bayaran gaji terakhir / pampasan / ganjaran dan lain-lain bayaran dapat dibuat

BILA PERMOHONAN PERLU DIBUAT

- Apabila pekerja tersebut:
 - a. Berhenti dari satu penggajian; atau
 - b. Bersara; atau
 - c. Akan meninggalkan Malaysia bagi satu tempoh yang lama atau buat selama-lamanya; atau
 - d. Meninggal dunia

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- Memohon SPC dalam tempoh sebulan sebelum tarikh pemberhentian kerja / penamatan perkhidmatan atau selepas kematian pekerja
- Menahan gaji / pampasan / ganjaran pekerja sehingga SPC dikeluarkan

CARA MEMOHON

Permohonan SPC boleh dibuat melalui:

1. **e-SPC**
 - Hanya dibuat oleh majikan secara dalam talian
2. **Secara manual**
 - Penghantaran borang secara manual ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja

KATEGORI BORANG

Borang yang perlu diisi oleh majikan mengikut kategori:

CP22A

Pekerja Swasta

CP22B

Pekerja Kerajaan

CP21

Pekerja yang akan meninggalkan Malaysia

TEMPOH PROSES SPC

- Permohonan SPC akan diproses dalam masa 10 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima

PERINGATAN

Pembayar cukai dinasihatkan untuk mengemaskini kedudukan cukai taksiran dengan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan

Pembayar cukai masih perlu menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan untuk tahun-tahun berikutnya sehingga **FAIL CUKAI DITUTUP SECARA KEKAL**

Permohonan penutupan fail perlu dibuat secara bertulis ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan dan pastikan tiada baki cukai tertunggak

SILA LAYARI:

www.hasil.gov.my
untuk keterangan lanjut



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
www.hasil.gov.my